



# Wanita Berkerjaya demi Keluarga Bahagia

## ► Mohd Nor Mamat

Ketua Pusat Pengajian (Pendidikan dan Pengajian Islam),  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara

**H**ari ini, fenomena wanita berkerjaya sudah menjadi lumrah di mana-mana, meskipun umum mengetahui bahawa tanggungjawab mencari nafkah untuk menyara keluarga terletak pada bahu suami, dan tiada tuntutan dalam Islam untuk isteri dan ibu bekerja. Hal ini merupakan ketetapan Islam sebagai tanggungjawab suami atau bapa, manakala hak isteri atau ibu sentiasa dijaga dan disara oleh walinya.

Agak berat untuk kita mengatakan bahawa wanita yang mengutamakan kerjaya berbanding dengan tanggungjawab membangunkan keluarga itu suatu kesilapan. Apalagi jika ada yang mengatakan bahawa budaya isteri bekerja ini seolah-olah terlalu mengejar harta kekayaan, berbanding dengan suami untuk melengkapkan tugas mencari nafkah keluarga. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa antara cabaran ibu bapa berkerjaya termasuklah longgarnya ikatan kekeluargaan, kurang komunikasi antara ahli keluarga, pengabaian anak-anak, serta kurang kawalan terhadap perkembangan dan perlakuan anak. Cabaran ini perlulah diselesaikan jika inginkan keseimbangan kerjaya dan keluarga tercipta, seperti dalam budaya hidup masyarakat yang berperadaban tinggi di negara maju.

Di sesetengah negara maju, wanita hanya mula bekerja selepas usia 40-an, iaitu ketika anak-anak sudah pun membesar dan berdikari. Mereka mengutamakan pembangunan keluarga terlebih dahulu berbanding dengan mengejar kejayaan dalam kerjaya sejak usia muda. Di Switzerland umpamanya, ibu yang bekerja lebih msa hingga melewati had tertentu boleh disaman atas kesalahan menjadi ibu yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga. Begitu juga mereka yang tidak menghabiskan cuti rehat tahunan bersama-sama keluarga juga dianggap sebagai tidak bertanggungjawab terhadap pembangunan keluarga. Inilah

budaya hidup yang benar-benar mengutamakan keseimbangan kerjaya dan kehidupan berkeluarga.

Sesetengah wanita lebih senang jika hanya menjadi suri rumah, yang sehari-hari dapat mengatur dan menjaga rumah tangga semata-mata. Akan tetapi, dengan tuntutan keadaan semasa, mereka terpaksa bekerja bagi membantu menambahkan sumber kewangan keluarga. Keadaan yang memaksa sebegini mudah menimbulkan stres kerana bekerja bukanlah timbul daripada keinginan diri, tidak mempunyai pilihan lain demi membantu ekonomi rumah tangga. Kebiasaannya, wanita yang mengalami masalah sedemikian, cenderung berasa amat letih (terutama secara psikologi), kerana seharian memaksa diri untuk bertahan di tempat kerja.

Selain itu, terdapat juga tekanan yang timbul akibat daripada pelaksanaan “peranan berganda,” iaitu sebagai wanita berkerjaya dan juga sebagai suri rumah. Sememangnya kemampuan pengurusan waktu kerja dan rumah tangga merupakan satu daripada cabaran yang sering dihadapi oleh wanita berkerjaya. Mereka perlu memainkan peranan sebaik mungkin, baik di tempat kerja mahupun di rumah. Mereka perlu menjadi ibu yang sabar dan bijaksana kepada anak-anak, dan isteri yang baik bagi suami, serta menjadi suri rumah yang bertanggungjawab terhadap keperluan dan urusan rumah tangga. Di tempat kerja, mereka juga mempunyai

komitmen dan tanggungjawab terhadap pekerjaan yang telah diamanahkan dan perlu menunjukkan prestasi kerja yang baik. Sementara itu, dari dalam diri mereka juga sudah ada keinginan ideal untuk berjaya melaksanakan kedua-dua peranan tersebut secara seimbang.

Ironinya, kenyataan ideal tersebut cukup sukar untuk dicapai disebabkan beberapa faktor. Misalnya bebanan tugas di pejabat yang sangat berat, dan suami ketika di rumah kurang memberikan kerjasama untuk sama-sama menyelesaikan kerja rumah, di samping anak-anak yang turut menuntut perhatian. Akhirnya, si ibu akan berasa amat letih kerana dituntut untuk terus memberi dan memenuhi keperluan orang lain.

### **Motivasi buat wanita yang berkerjaya**

Realiti wanita yang berkerjaya sebenarnya mempunyai sisi positif yang menjadi motivasi kepada diri sendiri dan memberikan manfaat yang banyak untuk keluarga, antaranya termasuklah;

**1** Wanita yang berkerjaya boleh berbangga dengan sumbangan mereka untuk menyokong ekonomi rumah tangga dan melengkapkan keperluan keluarga secara lebih baik. Dengan dua sumber pendapatan keluarga, pasangan tersebut dapat berusaha untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik untuk keluarga seperti dalam hal makan minum, pakaian, pendidikan, tempat tinggal,

**Seseorang wanita yang berkerjaya perlu mempunyai kekuatan diri dari aspek fizikal, mental dan rohani agar antara tanggungjawab kerjaya dengan tanggungjawab di rumah dapat dilakukan dengan seimbang.**

serta kemudahan kesihatan yang menjadi keperluan daruriah keluarga.

**2** Tidak dinafikan bahawa bekerja memungkinkan seseorang wanita mengekspresikan dirinya sendiri dengan cara yang kreatif dan produktif untuk menghasilkan sesuatu yang dapat menimbulkan kebanggaan terhadap diri sendiri, terutama jika prestasi tersebut menerima penghargaan dan imbuhan yang positif. Dengan bekerja, wanita berusaha mencari makna dan identiti dirinya; dan pencapaian tersebut menimbulkan keyakinan yang tinggi bagi mencapai kebahagiaan hidup.

**3** Wanita yang bekerja juga cenderung mempunyai ruang lingkup yang lebih luas dan beragam, sehingga cenderung memiliki pola fikir yang lebih terbuka, lebih bertenaga, mempunyai wawasan yang luas dan

lebih dinamik. Oleh hal yang demikian, kewujudan isteri berupaya menjadi pasangan sekufu bagi suami untuk menjadi teman bertukar-tukar fikiran, saling berkongsi cita-cita, harapan, pandangan dan tanggungjawab.

**4** Setiap manusia, termasuk wanita mempunyai keperluan untuk menjalinkan hubungan sosial dengan orang lain. Dengan bekerja, seseorang wanita dapat memenuhi keperluan dalam suasana kebersamaan dan menjadi sebahagian daripada suatu kelompok atau komuniti. Sosialisasi penting bagi setiap orang untuk mempunyai wawasan dan cara berfikir yang luas, untuk meningkatkan kepekaan sosial, dan yang paling penting, dapat menjadi tempat pembuangan tenaga secara positif daripada pelbagai masalah yang menimbulkan stres. Dari sudut positif, pergaulan yang baik dengan rakan sekerja dapat mencambahkan idea dan kreativiti, menambah pengalaman dan kematangan, serta bertukar-tukar fikiran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

**5** Dengan bekerja, seseorang wanita dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan, baik tuntutan tanggungjawab mahupun tuntutan persaingan. Oleh hal yang demikian, seseorang wanita dituntut untuk berfikir dan bertindak secara kreatif, mencari aspek yang boleh dikembangkan demi kemajuan dirinya.

Banyak kajian yang dibuat menunjukkan bahawa suami isteri yang bekerja mempunyai tahap kepuasan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan pasangan yang bukan kedua-duanya berkerjaya. Kebiasaannya juga, bagi wanita yang berkerjaya, mereka akan lebih memberikan perhatian serta fokus untuk membahagiakan keluarga, hasil kesedaran bahawa mereka telah meninggalkan tanggungjawab buat sementara waktu, menyebabkan masa bersama-sama keluarga akan lebih dihayati. Suatu kepuasan bagi seorang isteri atau ibu apabila dapat menggembirakan suami dan anak-anak dengan hasil usaha daripada pendapatan sendiri.

Oleh sebab itulah, apabila terdapat konflik peranan yang dialami oleh ibu yang bekerja, maka situasi ini akan memberikan kesan terhadap tahap kepuasan dalam hidupnya. Perasaan bersalah (meninggalkan sementara waktu peranannya sebagai suri rumah) membuatkan mereka menyesal dengan dunia kerjaya mereka.

Terdapat juga suami yang menganggap isteri yang bekerja bukanlah suatu masalah selagi isteri mereka tetap berupaya memenuhi keperluan suami dan anak-anak. Bahkan, ada juga suami yang menyokong kerjaya isteri mereka, dan turut bekerjasama mengurus tugas seharian di rumah. Dalam keadaan sebegini, pada umumnya si isteri akan lebih merasakan kepuasan dan kebahagiaan dalam hidup,

Sokongan serta toleransi suami terhadap isteri yang berkerjaya juga boleh menjadi faktor kebahagiaan isteri yang berkorban menambah bidang tugas mereka untuk keluar mencari pendapatan bagi meringankan bebanan suami. Hal ini akan menghasilkan keharmonian hubungan yang sangat tinggi, dan meningkatkan lagi kepuasan hidup bersama.

Apa-apapun, sama ada untuk berkerjaya ataupun menjadi suri rumah sepenuh masa, biarlah tugas tersebut menjadi ibadat dalam kehidupan kita. Pastikan kerjaya yang diceburi menepati prasyarat ibadat umum yang digariskan dalam Islam, iaitu;

- Niat mestilah untuk tujuan yang baik, iaitu kerana Allah SWT.
- Kerjaya yang diceburi mestilah dalam sempadan yang diharuskan dan tidak bercanggah dengan nas al-Quran dan hadis.
- Apa-apapun kerjaya yang diceburi, mestilah tidak menyebabkan ibadat khusus seperti solat terabai.
- Kerjaya yang diceburi juga mestilah tidak bercampur aduk dengan elemen maksiat.
- Prasyarat terpenting bagi wanita berkerjaya mestilah dengan kebenaran wali, sama ada restu bapa atau suami.

### Setiap peranan adalah amanah

Dalam Islam, seseorang wanita diamankan sebagai pengurus rumah tangganya. Walaupun mereka memilih untuk bekerja, tanggungjawab sebagai pengurus rumah tangga tetap

di bahunya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan setiap orang daripada kamu akan ditanya tentang orang yang dipimpinya. Imam adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinya. Suami adalah pemimpin keluarganya, dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinya. Wanita adalah pemimpin di rumah suaminya, dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinya. Khadam adalah pemimpin terhadap harta tuannya dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinya. Dan setiap orang daripada kamu adalah pemimpin dan dia akan ditanya tentang orang yang dipimpinya." (Hadis riwayat al-Bukhari).

Hadis ini memperlihatkan tanggungjawab setiap manusia secara menyeluruh. Jika seseorang itu bekerja, maka dia akan bertanggungjawab ke atas kerja yang diamanahkan kepadanya. Oleh itu, seseorang wanita yang berkerjaya perlu mempunyai kekuatan diri dari aspek fizikal, mental dan rohani agar antara tanggungjawab kerjaya dengan tanggungjawab di rumah dapat dilakukan dengan seimbang.

Wanita juga perlu memiliki ilmu kemahiran untuk mengenali jiwa anak-anak dan mampu menilai perbezaan perasaan dan kecenderungan anak-anak. Ibu merupakan insan yang secara semula jadi begitu dekat dengan anak-anak. Cintanya, perasaan dan hatinya mudah untuk membuka hati anak-

anak. Ketulusan hati seorang ibu akan menjadikan mereka mudah menerima bimbingan dan tunjuk ajar. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang tidak mengasihi maka dia tidak akan dikasihi." (Hadis riwayat Muslim).

Suami sebagai rakan kongsi hidup seorang isteri perlu memahami situasi isteri dan perlu membantu isteri bagi meringankan beban dan tanggungjawab isteri. Mengurus rumah tangga dan keluarga merupakan tugas hakiki seorang ibu, namun tidak salah suami membantu mengurus hal ehwal rumah tangga dan keluarga di rumah, dalam keadaan isteri juga turut membantu suami menyempurnakan tanggungjawab mencari nafkah untuk keluarga.

Oleh itu, wanita berkerjaya harus jelas matlamat mereka untuk membantu melengkapkan keperluan nafkah keluarga, agar tidak berlaku pengabaian tugas hakiki yang lebih perlu diutamakan. Pada masa yang sama, pilih skop kerjaya yang sesuai dengan fitrah wanita agar mudah melaksanakan tugas dalam kerjaya dan tugas sebagai isteri dan ibu. Sebaiknya, elakkan terlalu sibuk dengan kerjaya pada waktu usia anak-anak masih kecil dan memerlukan sokongan dan perhatian. Inilah praktis masyarakat berbudaya tinggi di negara-negara maju. Gunakan masa berkualiti dengan sebaik-



Menjadi tanggungjawab suami untuk membantu isteri mengurus rumah tangga dan anak-anak.

baiknya dan pastikan sentiasa mendapat keizinan suami dalam semua hal. Kita dituntut untuk sentiasa meningkatkan ilmu kemahiran keibubapaan dan pengurusan rumah tangga yang efisien.

Satu pesanan yang juga sangat penting untuk menjadi wanita yang berjaya di tempat kerja dan di rumah, cuba sedaya upaya untuk menghabiskan kerja di pejabat sahaja. Agihkan rutin harian mengikut saranan Rasulullah SAW dengan membahagikan masa kepada tiga, iaitu lapan jam untuk waktu bekerja, lapan jam untuk keluarga dan selebihnya lapan jam untuk pastikan kita dapat tidur dan rehat yang mencukupi agar kesihatan terjaga, serta sentiasa bertenaga untuk bangun malam demi menambah amal dan bermunajat kepada Allah SWT. Hebatnya seorang wanita apabila tugas hakikinya terlaksana, sokongan membantu suami dan keluarga menjadi pahala, sabar dan sikap tabahnya menjadi penyejuk mata, dan terbina keluarga sakinah berkekalan hingga ke syurga. 🌸